

**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN
YBHG. DATUK FADILAH BAHARIN**

StAr Awards 2015

20 NOVEMBER 2015 (JUMAAT)

**HOTEL SUNWAY PUTRA, KUALA
LUMPUR**

YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

YBhg. Dato' Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur,

Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan

Inovasi

YBhg. Tan Sri Datuk Mustafa Mansur

Pengerusi Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia

Ahli-Ahli Majlis dan Jawatankuasa

Penerima-Penerima Anugerah

Seterusnya Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum, Salam Sejahtera ,Salam 1Malaysia dan Salam 1Standards Malaysia

Pertama sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau, Menteri MOSTI. Sesungguhnya, kehadiran YB Menteri membuktikan sokongan yang berterusan MOSTI kepada Jabatan Standard Malaysia dalam memajukan aktiviti standardisasi dan akreditasi negara.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada YBhg. Dato' Dr. Mohd Azhar Bin Hj. Yahaya, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian mewakili

Ketua Setiausaha Kementerian kerana turut sudi hadir ke majlis ini.

Saya juga mengalu-alukan juga kehadiran Presiden IEC, YBrs. Dr. Junji Nomura ke Majlis StAr Awards. Untuk makluman beliau dalam rangka lawatan ke Malaysia bagi membincangkan perkara-perkara standardisasi berkaitan elektroteknikal.

YB Datuk Seri Panglima, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Seperti yang kita sedia maklum, majlis ini dianjurkan bertujuan untuk memberikan pengiktirafan kepada individu-individu yang terlibat secara langsung memberi sumbangan kepakaran dan pengalaman dalam proses pembangunan standard dan juga yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti akreditasi sama ada di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa

Majlis ini juga akan turut menghargai organisasi-organisasi yang telah menggunakan Malaysian Standard (MS) dan terbukti telah berjaya meningkatkan produktiviti dan prestasi organisasi masing-masing dan juga para pemenang bagi Pertandingan Menulis Esei berkenaan Standard Peringkat Kebangsaan 2015.

YB Datuk Seri Panglima, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Bertepatan dengan tema pada tahun ini iaitu *Creating Quality Culture*, kami di Standards Malaysia percaya bahawa Kualiti adalah faktor utama yang dapat menjamin keselamatan dan kesihatan rakyat, perlindungan alam sekitar serta meningkat daya saing negara pada peringkat global. Ianya merentasi pelbagai sektor berkeutamaan tinggi serta salah satu elemen penting dalam program transformasi ekonomi negara.

Penerapan budaya kualiti dalam masyarakat terutama berkaitan standard dan pematuhan adalah amat penting dan menjadi agenda utama Standards Malaysia. Menyedari akan perkara ini, Standards Malaysia telah memulakan langkah untuk memperkenalkan modul berkaitan standardisasi dan pematuhan ke dalam sistem pembelajaran negara agar generasi masa depan lebih terdedah dan lebih memahami budaya kualiti. Menjelang Wawasan 2020, Malaysia bakal menjadi sebuah negara maju dan masyarakat yang maju adalah masyarakat yang menjadikan kualiti sebahagian budaya hidup mereka. Seperti yang kita sedia maklum budaya kualiti di negara-negara maju sebagai contoh di Jepun, Amerika Syarikat dan Jerman adalah amat dititik beratkan dalam kehidupan mereka, oleh itu bersama-samalah kita sebagai rakyat

Malaysia agar mencontohi mereka dalam mengamalkan budaya kualiti ini dalam kehidupan seharian kita.

YB Datuk Seri Panglima, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Seperti kita maklum, Visi Standards Malaysia adalah 'Diterima Rakyat, Diiktiraf Dunia' maka penerapan budaya kualiti adalah bertujuan untuk diterima oleh rakyat. Bagi diiktiraf dunia pula, Standards Malaysia telah berjaya mendapat pengiktirafan untuk program-program akreditasi kelolaan jabatan dengan diterima sebagai penandatanganan bagi MRA/MLA pada peringkat serantau dan juga antarabangsa. Dengan sukacita saya maklumkan jua pencapaian terkini Standards Malaysia dalam bidang akreditasi, di mana Skim Akreditasi Badan-badan Pemeriksa Malaysia (MIBAS) telah diiktiraf di peringkat antarabangsa. Malaysia diterima sebagai penandatanganan

bagi Asia Pacific Laboratory Accreditation Cooperation Mutual Recognition Arrangement (APLAC MRA) bagi bidang pemeriksaan pada 17 Jun 2015. Ini adalah penambahan kepada skop yang sedia ada iaitu pengujian, penentukuran dan pengujian perubatan. Selain daripada itu, Standards Malaysia juga adalah penandatangan bagi Pacific Accreditation Cooperation Multilateral Recognition Arrangement (PAC MLA) bagi badan akreditasi yang menjalankan perkhidmatan akreditasi badan-badan pensijilan bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), Sistem Pengurusan Alam Sekitar dan pensijilan produk. Usaha-usaha ini berupaya menjadikan produk serta sektor perkhidmatan negara lebih berdaya saing di peringkat global.

Kepada semua pemenang-pemenang anugerah, Standards Malaysia mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas anugerah yang diberikan. Semoga anugerah ini akan memangkin semangat dan usaha serta meransang individu dan organisasi lain dalam memajukan bidang standardisasi dan akreditasi. Bagi pihak Standards Malaysia, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada semua pihak berkepentingan terutamanya Majlis Standard dan Akreditasi Kebangsaan Malaysia, warga kerja kami dan rakan strategik atas kerjasama mereka yang berterusan dengan pihak kami dalam menjayakan misi kami. Tidak dilupakan, ribuan terima kasih kepada YBhg. Datuk Seri Panglima Madius Tangau dan Ketua Setiausaha MOSTI, YBhg. Dato' Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur atas sokongan yang berterusan juga kepada rakan-rakan di pihak

pengurusan yang sentiasa bekerja keras untuk memenuhi matlamat Standards Malaysia.

Sekian, terima kasih.